

22 JUN 2001

Umno-Bahas (Dasar)

AHLI KORPORAT UMNO DITEGUR KERANA TIDAK TURUN PADANG

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Ahli-ahli korporat dalam Umno hari ini ditegur kerana tidak bersama akar umbi turun ke padang memberi penjelasan kepada rakyat berhubung isu-isu korporat seperti pembelian saham Penerbangan Malaysia (MAS) dan penswastaaan beberapa agensi kerajaan.

Wakil Perhubungan Umno Kedah Datuk Badaruddin Amiruldin berkata tugas itu selama ini hanya diserahkan kepada peringkat bawahan untuk menangkis pelbagai dakyah dan tohmahan yang disebarkan parti pembangkang.

Sedangkan pemimpin dan anggota akar umbi sendiri kurang arif tentang kedudukan isu-isu terbabit, katanya.

Ketika berucap menyambung perbahasan usul menyokong ucapan dasar Presiden Umno pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-55 di sini, beliau mahu Majlis Tertinggi dan ahli-ahli korporat terbabit, turut memberi penerangan kepada anggota akar umbi sendiri mengenai isu-isu terbabit supaya mudah mereka memanjangkannya kepada rakyat.

"Kita tidak kata semua ahli korporat dalam Umno tidak turun padang, tapi memang ada mereka yang tidak turun," katanya.

Badaruddin juga menyarankan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik menteri-menteri Melayu, dari kalangan anggota Umno sendiri, dan jawatan pengerusi badan-badan korporat yang mempunyai kepentingan kerajaan juga patut dipegang oleh anggota Umno.

Badaruddin berkata anggota Umno terbabit hendaklah memastikan kakitangan badan-badan korporat berkenaan diberi kefahaman mengenai Umno dan tidak dipengaruhi parti pembangkang.

"Kita dapati Datuk Jamaluddin Jarjis (pengerusi Tenaga Nasional Berhad) telah buat roadshow ke seluruh negara untuk tujuan itu," katanya.

Badaruddin yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, yang setiap tahun mencuit hati perwakilan dengan cerita-cerita lucu tetapi mempunyai mesej, kali ini juga membawa beberapa cerita lucu.

Satu daripadanya, bagaimana seorang budak kecil lelaki yang menghadapi masalah kerap buang air kecil, berbuat demikian di telinga neneknya di tengah malam kerana diajar oleh bapanya supaya menyebut "nak menyanyi" apabila hendak buang air kecil.

Apabila budak itu ditinggalkan bermalam di rumah neneknya dan terjaga di tengah malam "nak menyanyi", dia disuruh "menyanyi" perlahan-lahan di telinga neneknya.

Mesejnya, menurut Badaruddin, ialah apabila maklumat yang diperolehi oleh anggota Umno di peringkat bawah daripada pemimpin atasan tidak tepat, maka penerangan yang diberikan kepada rakyat tidak menepati matlamat.

Wakil Umno negeri Kelantan Datuk Ibrahim Ali berkata bilangan jawatan di luar parti yang dipegang oleh seseorang anggota Umno, harus dihadkan supaya dia dapat menjalankan kerja-kerja parti di peringkat akar umbi.

Katanya sesetengah anggota parti diberi terlalu banyak jawatan, sehingga tujuh atau lapan, menjadikannya terlalu sibuk untuk turut menjalankan kerja-kerja parti.

"Saya hendak bertanya kenapa ramai kakitangan Petronas dan Tenaga Nasional Berhad yang menyokong parti-parti pembangkang. Di mana Datuk Jamaluddin Jarjis," katanya.

Beliau berkata mereka yang mengetuai agensi seperti Petronas dan Tenaga Nasional adalah orang yang perlu dipersalahkan jika kakitangan mereka menyokong pembangkang dan bukannya ketua-ketua bahagian Umno.

"Kalau mereka gagal, kita gantikan mereka sahaja dengan orang lain. Di

dalam Umno, kita mempunyai ramai pemimpin," katanya sambil mencadangkan, tempoh memegang sesuatu jawatan sepatutnya dihadkan kepada satu atau dua tahun sahaja.

Ibrahim turut mengajak anggota Umno menguatkan semangat juang bagi menentang fitnah dan politik pembangkang serta memperbetulkan apa yang salah di dalam Umno dengan bersama-sama mengukuhkan parti.

Menurutnya prestasi Umno pada pilihan raya lepas kurang baik bukan kerana pembangkang kuat, tetapi kerana semangat juang anggota Umno, terutama Pemuda, kurang tinggi.

"Pemuda-pemuda Umno, bersemangatlah sikit, jangan hanya mengeluarkan kenyataan-kenyataan retorik semata-mata, soal kebajikan serah sahaja kepada Wanita dan Puteri Umno.

"Hishammuddin (Tun Hussein, Ketua Pergerakan Pemuda Umno), serah jawatan kepada saya pada 2004 kalau tidak mampu, tak payah bertanding. Jawatan menteri dah ada, tunjukkan kamu mampu lebih baik daripada Mahfuz (Omar) dan Mat (Mohamad) Sabu (pemimpin PAS)," katanya.

Beliau berkata Pemuda Umno perlu meningkatkan imej Umno bagi menjaga kepentingan Melayu dan perlu lebih tegas semasa berdepan dengan kumpulan seperti Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu).

Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Memerangi Fitnah, meminta maaf kepada Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kerana gagal menyekat penyebaran fitnah oleh parti pembangkang di kalangan orang Melayu pada pilihan raya umum lepas.

Sementara itu wakil Terengganu Datuk Abdul Rashid Ngah menyifatkan ucapan dasar Dr Mahathir semalam sebagai satu "pembedahan" terhadap Umno dan orang Melayu.

"Seumpama seorang doktor, dia melakukan pembedahan ke atas pesakitnya kerana dia tahu pesakit itu mempunyai penyakit dan kejelekan yang perlu dirawat dan dibuang segera," katanya.

Pembedahan itu juga, katanya perlu dilakukan bagi mengembalikan perpaduan di kalangan anggota di semua peringkat bagi memastikan Barisan Nasional (BN) menang dalam pilihan raya akan datang dan Umno terus kekal sebagai parti yang menerajui bangsa Melayu.

"Kekalahan itu derita yang menyedihkan, menyayukan dan memilukan. Janganlah dibiarkan kekalahan BN di Kelantan dan Terengganu berlaku di negeri-negeri lain. Jadilah kumpulan yang menang, jangan jadi kumpulan yang kalah," kata Abdul Rashid yang merupakan ketua pembangkang Dewan Undangan Negeri Terengganu yang dikuasai PAS.

Dalam perbahasannya, beliau turut mencadangkan supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dikenakan terhadap pihak yang menyalahgunakan agama bagi kepentingan politik mereka.

Usul berkenaan kemudian diterima sebulat suara oleh para anggota perwakilan perhimpunan agung itu.

-- BERNAMA

NHA ZS RON